

03 SEP 1998

SHARIFF YAKIN TIADA PERPECAHAN DALAM UMNO PULAU PINANG

KEPALA BATAS, 3 Sept (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Pulau Pinang, Datuk Mohd Shariff Omar hari ini berkata pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan menyebabkan perpecahan di kalangan anggota UMNO negeri ini.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang berkata semua anggota UMNO di negeri ini akan dapat menerima keputusan tersebut dengan terbuka.

"Kita sokong tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berpendapat bukan mudah bagi beliau untuk mengambil tindakan tersebut. Sudah tentu Perdana Menteri mempunyai alasan yang kukuh," katanya pada sidang berita selepas menyampaikan Anugerah Kecemerlangan Sains kepada para pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Bakti, Tasek Gelugor, dekat sini.

Sehubungan itu, beliau meminta anggota UMNO di negeri ini supaya bertenang dan jangan terlalu emosional dan mendengar dahulu penjelasan sebab-sebab tindakan sedemikian dibuat oleh Dr Mahathir.

Menurutnya, beliau juga telah meminta Ketua-ketua UMNO di negeri ini di peringkat Bahagian, Pemuda dan Wanita untuk memberi sokongan kepada Perdana Menteri kerana yang penting ialah parti dan perpaduan di dalam parti.

Selain itu, beliau berkata tiada sebarang ikrar sokongan dari anggota Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang diberikan kepada Anwar dalam mesyuaratnya yang lepas.

-- BERNAMA

AHM KHY